



BERITA **PASIR GUDANG**

EDISI PERTAMA
2021 | 01

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JANUARI - FEBRUARI 2021 | 1442 هـ | جانفي الأول - ربى 1442 هـ



Majlis Bandaraya **PASIR GUDANG**

BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN



4-5 Perutusan Khas Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

6-9 & 12-15 Edisi Khas
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Gemilang • Lestari • Sejahtera

Edisi Digital



ISI KANDUNGAN

- 3 Direktori Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 4-5 Perutusan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 6-9 EDISI KHAS : Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
• Pengenalan
• Barisan Kepimpinan
• Senarai Ahli Majlis 2020-2021
• Manifesto Bandar Raya Pasir Gudang
- 10-11 Lensa MBPG Januari - Februari 2021.
- 12-15 EDISI KHAS : Majlis Bandaraya Pasir Gudang. (*sambungan*)
• Program Yok Tinjau Zon Bersama Datuk Bandar Pasir Gudang
- 16 Ceramah Motivasi Bersama Menghadapi Cabaran 2021.
Majlis Penyerahan Sumbangan Keperluan Peralatan Pusat Kurantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Stadium Tertutup MBPG.
- 16-17 Lawatan Kerja Yang Berhormat Pengurus Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Johor Ke Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 Di Dewan Serbaguna Jalan Gunung, Bandar Seri Alam
- 17 Lawatan Kerja ke Persiapan Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 (PKRC) Johor di Stadium Tertutup MBPG.
Pembukaan Pusat Kuarantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Di Pasir Gudang.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 Laman Info.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman

KETUA EDITOR

Puan Hajah Norizan bin Mohamad

EDITOR

Puan Haslina binti Hassan

PENGARANG

Puan Nadzasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK

PGI Media

HAK CIPTA TERPELIHARA © 2021

Sidang Redaksi BERITA PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas.
Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Aras 19, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777 Faks : 07- 251 5260

Web : www.mbgp.gov.my

DIREKTORI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JABATAN / UNIT / BAHAGIAN MBPG

Pejabat Datuk Bandar

07-254 7701

Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

07-254 7881

Pejabat Setiausaha

07-254 7702

Jabatan Kesihatan Awam & Persekitaran

07-254 7718

Yayasan Pasir Gudang

07-254 7768

Jabatan Khidmat Pengurusan

07-254 7714

Jabatan Pelesenan

07-254 7740

Perpustakaan Awam Pasir Gudang

07-251 7912

Jabatan Kewangan

07-254 7710

Unit Audit Dalam & Integriti

07-254 7737

Muzium Layang-Layang

07-252 7796

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

07-254 7741

Unit Pengurusan Kontrak

07-254 7724

Seramik Pasir Gudang

07-252 8255

Jabatan Perancang Bandar & OSC

07-254 7726

Unit Media & Komunikasi

07-254 7705

Sarang Buaya Pasir Gudang

07-251 7208

Jabatan Kawalan Bangunan

07-254 7752

Jabatan Kejuruteraan & Landskap

07-254 7771

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MBPG hubungi kami melalui saluran di bawah :

📞 07-254 7777

📠 07-251 5260

✉ mbpg@johor.gov.my

📠 MBPG : SISPAA
mbpg.spab.gov.my

FACEBOOK Majlis Bandaraya Pasir Gudang



Perintisan DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdullilah, segala puji bagi Allah SWT, serta selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabat Baginda serta para tabiin dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga ke hari kemudian.

Terlebih dahulu saya dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 22 November 2020 bersamaan dengan 6 Rabiulakhir 1442H. Setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Menteri Besar Johor dan seluruh kepimpinan kerajaan negeri yang turut memberi kepercayaan kepada saya untuk memimpin Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sebagai Datuk Bandar yang pertama di Pihak Berkuasa Tempatan di dalam linkungan kawasan pentadbirannya.

Insha'Allah, saya menerima jawatan ini dengan rasa rendah diri dan saya sedar akan amanah yang diberikan bersama tugas dan tanggungjawab adalah merupakan satu cabaran yang amat besar, Sungguhpun begitu, saya penuh percaya dan yakin, dengan sokongan dan kolaborasi dari Kerajaan Negeri, semua Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBPG dan masyarakat sekitar Pasir Gudang akan membantu saya untuk mengemudi organisasi ini, seterusnya mencapai tagline nya sebagai sebuah "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan", Insha'Allah.

Sebagai sebuah bandar raya yang ketiga di negeri Johor, penduduk Pasir Gudang pasti amat berbangga dengan tagline "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan" kerana Pasir Gudang kini bersedia untuk menerajui negeri Johor sebagai bandar industri terulung negara. Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat menjadi mandat penting dalam mengukuh sektor industri dan menjulang nama Bandar Raya Pasir Gudang ke peringkat antarabangsa.

Saya penuh yakin dan percaya, persekitaran lestari lagi sejahtera, jalinan infrastruktur yang selesa, dan masyarakat yang saling menghormati telah wujud di Bandar Raya Pasir Gudang sejak sekian lama. Justeru, justifikasi bagi tujuan menaik taraf ini diperkuuhkan lagi dengan hujah bahawa Pasir Gudang wajar dinaik taraf sebagai



“... penduduk Pasir Gudang pasti amat berbangga dengan tagline “Bandar Raya Industri dan Pelabuhan” kerana Pasir Gudang kini bersedia untuk menerajui negeri Johor sebagai bandar industri terulung negara.”

Bandar Raya selain daripada memenuhi pencapaian bilangan penduduknya lebih daripada 500 ribu dan pendapatan kutipan cukai taksiran lebih daripada RM100 juta setahun adalah:

- i. Untuk meningkatkan dan memperkuuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).
- ii. Dengan penaiktarafan kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), maka daerah Johor Bahru akan ditadbir oleh tiga (3) PBT yang bertaraf Bandaraya.
- iii. Pembangunan yang pesat sebagai Bandar Industri dan Pelabuhan dengan jumlah pelaburan perindustrian berjumlah RM11 billion memerlukan Pihak Berkuasa bertaraf Bandaraya untuk mentadbir.
- iv. Pertambahan kawasan perindustrian utama seluas 2,688.09 hektar pada masa akan datang dijangka akan merancakkan lagi ekonomi di Pasir Gudang.
- v. Keluasan kawasan pentadbiran MBPG pada masa ini iaitu 35,957 hektar telah menyamai keluasan kawasan pentadbiran MBJB iaitu 37,318 hektar.
- vi. Struktur organisasi yang kukuh dan kompeten dapat diwujudkan di MBPG melalui penstrukturran semula organisasi dan pertambahan pegawai selaras dengan pertambahan kawasan perindustrian utama, keluasan kawasan pentadbiran dan penaiktarafan.
- vii. MBPG merupakan satu-satunya PBT bertaraf Bandaraya yang menguruskan kawasan perindustrian yang terbesar di Malaysia dengan dua Pelabuhan utama negara iaitu Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Langsat.
- viii. Penarafan merupakan penjenamaan semula MBPG dan secara tidak langsung akan memberikan tanggapan yang baik kepada pelaburan.
- ix. Keseluruhannya, jumlah hub perindustrian baru Pasir Gudang yang diwartakan di bawah RTDJB, Januari 2018 masakini adalah seluas 2,688.09 hektar.

Justeru, selaras dengan penaiktarafan Bandaraya ini Pelan Strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2021-2025 turut disediakan untuk menjadi pelengkap kepada kesinambungan usaha pembangunan berpaksikan indikasi serta sasaran menjadi Bandar Raya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025. Ianya turut dikaji secara bersama melalui komitmen warga kerja, pemegang taruh, komuniti, agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk pelabur-pelabur yang ada di Pasir Gudang.

Seterusnya berdasarkan situasi semasa, suka saya mengingatkan kepada diri saya sendiri serta tuan-tuan dan puan-puan, yang mana pada ketika ini kita sedang menghadapi tiga cabaran besar iaitu kesihatan, ekonomi dan politik. Penularan pandemik COVID-19 memberi kesan yang sangat mendalam kepada sebahagian masyarakat yang mana mereka tidak boleh keluar untuk mencari rezeki dan ada juga antaranya yang telah kehilangan pekerjaan, situasi politik negara pula pada suhunya yang perlu distabilkan. Isu yang terpenting adalah wabak COVID-19 yang mana ia perlu diuruskan secara berkesan bagi mengelakkan jangkitan berterusan menular dalam kalangan masyarakat. Apa yang berlaku ini, membuat saya merasa insaf akan tanggungjawab jawatan yang saya sandang ini sebenarnya bukanlah satu kemegahan untuk dibanggakan sebaliknya ianya adalah ‘taklif’, iaitu tanggungjawab besar yang harus dipikul bersama.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBPG dan seluruh masyarakat sekitar Pasir Gudang, marilah kita sama-sama saling bekerjasama, bantu membantu, bekerja kuat berganding bahu sebagai satu pasukan. Bermula dari PKP, PKPB, PKPP dan kembali kepada PKPB pada November yang lalu. Terima kasih dan syabas kepada barisan petugas penguatkuasaan dan petugas kesihatan *frontliners* yang dikasihi.

Selagi pandemik COVID-19 masih belum berakhir, teruslah bersabar dan berdoa, biasakan diri dengan ‘*the new norm*’, norma baharu ini, mematuhi SOP yang ditetapkan, pakai pelitup muka, guna *hand sanitizer*, patuhi penjarakkan sosial dan elakkan himpunan berskala besar.

Akhir kata, sama-sama lah ‘kita jaga kita’ dan patuhilah SOP. Semoga Pasir Gudang dirahmati Allah SWT dan kita semua hendaknya nanti dilindungiNYA.

Sekian, terima kasih.

ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN
DATUK BANDAR PASIR GUDANG



KRONOLOGI PENUBUHAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MENELUSURI SEJARAH AWAL penubuhannya, pembangunan Pasir Gudang bermula pada tahun 1977 apabila Kerajaan Negeri Johor melantik Johor Corporation (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bagi mentadbir dan memajukan kawasan Pasir Gudang di bawah Seksyen 150, Enakmen Lembaga Bandaran.

Mulai 1 Julai 1985, Kerajaan Negeri Johor kemudiannya telah bersetuju Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) ditadbir di bawah Seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) menggantikan penggunaan Enakmen Lembaga Bandaran 1937 (Bil 118).

Sejarah terlakar apabila Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) ditubuhkan pada 1 Julai 2008 di bawah Seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Selaras dengan penubuhan MPPG maka perlantikan ahli-ahli majlis telah dibuat pada 1 Julai 2008 meliputi 24 zon. Ahli-ahli Majlis yang dilantik berperanan penting dalam memperkuatkkan pengurusan dan pentadbiran MPPG disamping bertindak sebagai penghubung antara penduduk dan juga pihak pengurusan MPPG.

Tampuk pengurusan MPPG berhijrah ke era baru pada 1 September 2009 apabila Kerajaan Negeri mengambil alih sepenuhnya pentadbiran dengan menempatkan dua orang Pegawai Tadbir Negeri Johor iaitu sebagai Yang Dipertua dan Setiausaha bagi mentadbir MPPG. Majlis Pengisytiharan MPPG telah berlangsung pada 1 Julai 2010 dengan disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor ketika itu iaitu YAB Dato'Haji Abdul Ghani bin Othman.

Kawasan pentadbiran MPPG yang asalnya berkeluasan 29,459.9 hektar telah bertambah sehingga 35,957 hektar meliputi Mukim Tiram, sebahagian Mukim Plentong dengan Parlimen Pasir Gudang meliputi Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas, Johor Jaya dan Parlimen Tebrau iaitu DUN Tiram. Manakala Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mempunyai keluasan 39,125 hektar dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) berkeluasan 38,636 hektar.

22 November 2020 bersamaan 6 Rabiulakhir 1442 Hijrah menjadi tarikh keramat dan bersejarah kepada Pasir Gudang apabila dimasyhurkan sebagai bandar raya ketiga di negeri Johor. Dikenali sebagai "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan" Pasir Gudang kini bersedia untuk meneraju negeri Johor sebagai bandar industri terulung negara.

Kewujudan dua buah pelabuhan iaitu Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Langsat pula akan melengkapkan dan menjulang nama Bandaraya Pasir Gudang ke peringkat antarabangsa.



Pejabat PBT Pasir Gudang



Pejabat MPPG



Warga kerja MPPG di bawah pentadbiran Johor Corporation

Majlis penyerahan Watikah Pengisytiharan
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

BARISAN KEPIMPINAN

- PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG
- MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
- MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



SENARAI YANG DIPERTUA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG

1 ALLAHYARHAM TAN SRI DATO' HAJI BASIR BIN ISMAIL (1977 - 1982)

2 ALLAHYARHAM TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI BIN HASHIM (1982 - 31 Julai 2008)



SENARAI YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

1 **YANG DIPERTUA**
HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR
(1 Julai 2008 - 30 Oktober 2009)

4 **YANG DIPERTUA**
ALLAHYARHAM MD ZA'NAL BIN HAJI MISRAN
(1 Mei 2014 - 2 Julai 2016)

2 **SETIAUSAHA**
ENCIK MOHAMAD MAZLAN BIN ALI
(1 Julai 2008 - 30 Oktober 2009)

5 **SETIAUSAHA**
ENCIK SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT
(3 Jun 2013 - 30 Jun 2018)

2 **YANG DIPERTUA**
DATO' HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
(1 September 2009 - 17 Julai 2011)

5 **YANG DIPERTUA**
HAJI HASRIN KAMAL BIN HASHIM
(3 Julai 2016 - 30 Jun 2018)

2 **SETIAUSAHA**
ALLAHYARHAM MD ZA'NAL BIN HAJI MISRAN
(1 September 2009 - 2 Oktober 2011)

6 **SETIAUSAHA**
ENCIK SULAIMAN BIN ISMAIL
(1 Julai 2018 - 30 September 2019)

3 **YANG DIPERTUA**
HAJI ON BIN JAABAR @ JAAFAR
(18 Julai 2011 - 30 April 2014)

6 **YANG DIPERTUA**
HAJI ZAINOR BIN ADANI
(1 Julai 2018 - 21 November 2020)

3 **SETIAUSAHA**
ENCIK EZZUDDIN BIN SANUSI
(3 Oktober 2011 - 2 Jun 2013)

6 **SETIAUSAHA**
HAJI ABDUL HAKIM BIN ABD. MANAP
(15 Oktober 2019 - 31 Januari 2021)



SENARAI DATUK BANDAR DAN SETIAUSAHA

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

DATUK BANDAR

DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
(22 November 2020 - Kini)

SETIAUSAHA

ENCIK MOHD HAFIZ BIN ALIMAN
(1 Februari 2021 - Kini)

SENARAI KETUA JABATAN / KETUA BAHAGIAN / KETUA UNIT

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Haji Adnan bin Abd Ghani
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan

Haji Sharif bin Idros
Ketua Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan

Mariaton binti Ibrahim
Ketua Jabatan Kewangan

Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab
Ketua Jabatan Kesihatan Awam

Sr. Dr. Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

Hajah Rahamah binti Mahmood
Ketua Jabatan Perlesenan

Kassim bin Mohamed Yusof
Ketua Jabatan Perancang Bandar dan OSC

Abdul Malek bin Mohamed
Ketua Unit Audit Dalam dan Integriti

Abd Majid bin Saphie
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan

Sr. Zuraine binti mahmood
Ketua Unit Pengurusan Kontrak

Haji Nor Rahman bin Mustaffa
Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Landskap

Nik Masri bin Moharani
Ketua Unit Media dan Komunikasi



SENARAI AHLI MAJLIS 2020-2021 MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



EN. NOORAIZAM BIN ROWAJI
+6019-741 6541

ZON NUSA DAMAI



EN. MOHAMMAD IQBAR
BIN ABDUL RANI
+6012-745 0759

ZON CENDANA



EN. MOHD AZIZI BIN MOHMAD
+6019-718 2744

ZON RINTING 2



EN. YAP WEN PIAU
+6012-712 8999

ZON FLORA HEIGHT



EN. MADYASIR
BIN AHMAD BASIR
+6011-3654 8273

ZON BUKIT DAHLIA



EN. TAZUL BIN ARRIFIN
+6019-380 2697

ZON SIERRA PERDANA



PN. HAJAH HARYATI
BINTI ISMAIL
+6012-296 7415

ZON SCIENTEX 1



YBHg DATO' HAJI MOHD AMIN
BIN AHMAD
+6019-714 8519

ZON MAWAR



EN. VIJAYAN A/L RAJOO
+6012-753 1485

ZON MASAI



EN. NOOR AZLEEN BIN AMBROS
+6012-785 8828

ZON SCIENTEX 2



KETUA WHIP
HAJI BHARUDIN
BIN MOHAMED TAIB
+6012-717 0749

ZON AIR BIRU



EN. AB. AZIZ BIN ABDULLAH
+6013-764 9899

ZON SERI ALAM 1



EN. ALBERT LIM WEE CUN
+6012-701 5561

ZON DESA RAKYAT PERDANA



EN. MOHAMAD FARID
BIN ABDUL RAZAK
+6011-1066 9936

ZON RINTING 1



EN. CIA CHOW HUI
+6012-772 4168

ZON SERI ALAM 2



PN. RAPENAH BINTI ALI
+6019-797 0497

ZON CAHAYA BARU / TG. LANGSAT



CIK TEOW CHIA LING
+6012-716 1937

ZON KOTA MASAI 1



HAJI AZIZUL BIN BACHOK
+6013-746 9545

ZON PASIR PUTIH



PN. JULIAH BINTI JAMAL
+6019-718 6786

ZON CAHAYA MASAI



HAJI ALAODIN BIN HAMEED
+6019-767 2885

ZON KOTA MASAI 2



EN. MOHD RAHIM
BIN AMATERMIN
+6012-711 0064

ZON TANJUNG PUTERI



EN. MAHENDRAN
A/L SUBRAMANIAM
+6019-727 0009

ZON KOTA BESTARI



PN. TAN GECK HEY
+6010-535 8893

ZON KOTA MASAI 3



EN. FAUZI BIN FAIZAL
+6012-713 4521

ZON SUNGAI TIRAM

Manifesto

BANDAR RAYA PASIR GUDANG

01

REVOLUSI 1 - MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG PELABUHAN PINTAR (SMART PORT)



Rakan Strategik
(Strategic Buddies)



Pendigitalan
(Digitalization)

02

REVOLUSI 2 - MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG PENGEZONAN DAN INDUSTRI PINTAR (SMART ZONING AND ENVIRONMENT)



Pengezonan
(Zoning)



Pasir Gudang sebagai
Pelabuhan dan Industri
(PG is about Port and Industry)



Naiktaraf Infrastruktur
(Upgrading Infrastructure)

03

REVOLUSI 3 - MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG PERSEKITARAN PINTAR (SMART ENVIRONMENT)



Waste To
Wealth
(WTW)



Pembelajaran
Norma Ekosistem
(Eco-Norm Education)



Memelihara
Ekosistem
(Eco-Preserve)



Pengurangan
Karbon
(Less- Co²)

04

REVOLUSI 4 - MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG MASIH PRIHATIN (STILL CARE)



TMIYC
@ Pasir Gudang



Dataran Mahkota
Pasir Gudang



Pusat Haiwan
Terbiar
(D'Habitat)



Pusat Gelandangan
(Care and Cure
Camp 3C MBPG)



Eco Spatial



Sungai Buloh
Spatial



CB Spatial



Layang-layang
Spatial



Penempatan
Pekerja
Warga Asing
(Workers Enclave)



Arena
Kebayan



Perumahan
Berpagar
(Friendly Local)



Perkhidmatan
Perunding Kesihatan
(Doc Please!!)



Gerobok
Prihatin
Pasir Gudang



E-Lesen &
E-Permit



Belia Aktif

05

REVOLUSI 5 - MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG KEJIRANAN AKTIF (ACTIVE NEIGHBOURHOOD)



CB Bestari



CB Outreach



ST-Bestari



Desa Lestari



LENSA MBPG

JANUARI & FEBRUARI
2021



**OPERASI BERSEPADU PUSAT HIBURAN
(5/1/2021)**



**PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN
PEMBANCIAN E-CENSUS (6/1/2021)**

**LAWATAN DATUK BANDAR KE PREMIS
SEKITAR KOTA MASAI (20/1/2021)**





PERSIAPAN AKHIR PUSAT KURANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) PASIR GUDANG (8/2/2021)



LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE PKRC DI STADIUM TERTUTUP BANDARAYA PASIR GUDANG (18/2/2021)





Program YOK TINJAU ZON

BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

SEPAJANG JANUARI DAN FEBRUARI, Datuk Bandar Pasir Gudang telah berpeluang mengadakan program Yok Tinjau Zon. Sebanyak 24 buah zon di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dilawati oleh beliau bagi meninjau permasalahan dan isu yang dibawa oleh setiap pengurus zon. Berikut merupakan 24 buah zon tersebut :

ZON NUSA DAMAI



ZON FLORA HEIGHT



ZON SCIENTEX 1



ZON SCIENTEX 2



ZON CENDANA



ZON BUKIT DAHLIA



ZON MAWAR



ZON AIR BIRU



ZON RINTING 1 & 2



ZON SIERRA PERDANA



ZON MASAI



ZON SERI ALAM 1**ZON SERI ALAM 2****ZON CAHAYA BARU / TANJUNG LANGSAT****ZON CAHAYA MASAI****ZON KOTA BISTARI****ZON KOTA MASAI 1**

ZON KOTA MASAI 2



ZON KOTA MASAI 3



ZON PASIR PUTIH



ZON TANJUNG PUTERI



ZON TIRAM



CERAMAH MOTIVASI BERSAMA MENGHADAPI CABARAN 2021

CERAMAH MOTIVASI bertajuk "Bersama Menghadapi Cabaran 2021" telah diadakan di Auditorium Aras 3, Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 3 Januari yang lalu. Program ini adalah merupakan inisiatif jabatan dalam membantu masyarakat menghadapi suasana kehidupan yang mencabar pada hari ini. Selain dapat memberi nasihat dan motivasi mengenai cara-cara menghadapi masalah dalam kehidupan serta memberi cadangan penyelesaian yang boleh digunakan ketika menghadapi masalah.

Ceramah telah dikendalikan oleh Tuan Haji Ismail bin Mat Ali selaku Pengarah Urusan Capaian Aspirasi Sdn Bhd yang berkelulusan dari Universiti Al-Azhar Mesir. Program ini telah dihadiri oleh seramai 60 orang sahaja yang terdiri daripada 2 orang wakil setiap JKPZ Pasir Gudang dan warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Semoga program ini dapat menambahkan ilmu dan memberi manfaat kepada peserta yang hadir.



LAWATAN YANG BERHORMAT PENGURU KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN DI DEWAN SERBAGUNA JALAN BANDAR SERI ALAM

YANG BERHORMAT TUAN R.VIDYANANTHAN

Dan Alam Sekitar Johor telah mengadakan lawatan yang berhormat di Jalan Gunung, Bandar Seri Alam yang lokasi Pusat Pemberian Vaksin COVID-19.

Beliau berkesempatan menyampaikan taklimat berkaitan dan melakukan tinjauan di persekitaran dewan ini bagi memastikan segala persiapan dan kelengkapan dapat disediakan dengan lancar dan teratur. Hadir sama dalam lawatan ini, Datuk Bandar Pasir Gudang, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Pengarah MKN Johor serta Pentadbir Tanah Johor Bahru.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEPERLUAN PERALATAN PUSAT KURANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) DI STADIUM TERTUTUP MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

SATU MAJLIS RINGKAS penyampaian penyerahan sumbangan keperluan peralatan Pusat Kurantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) oleh pihak Lotte Chemical Titan telah diadakan pada 10 Februari yang lalu bertempat PKRC Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Pihak Lotte Chemical Titan diwakili Naib Presiden Eksekutif Pengeluaran, En. Lee Jung Hyeng dengan diiringi En. Ahmad Solihin bin Mohamed Yusoff selaku Naib Presiden Sumber Manusia & Teknologi Maklumat. Manakala penerima bagi pihak PKRC diwakili Tuan Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Pengarah dan Komander PKRC Johor sendiri iaitu Dr. Mohd Fathi Zaki bin Mohd Zakaria dengan diiringi oleh En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Beberapa peralatan yang disumbang adalah berupa 4 unit Smart TV saiz 55" jenama Samsung, 4 unit Ogawa Treadmill T7.2-2HP dan 10 unit Coway Water Dispenser CHP671.

Pihak MBPG amat berbesar hati dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Lotte Chemical Titan di atas kesudian menyumbang peralatan tersebut dan berharap semoga lebih banyak lagi pihak yang akan tampil menyumbang untuk kelengkapan PKRC beroperasi bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada pesakit-pesakit yang ditempatkan di sini.



Naib Presiden Eksekutif Pengeluaran, En. Lee Jung Hyeng dengan diiringi En. Ahmad Solihin bin Mohamed Yusoff selaku Naib Presiden Sumber Manusia & Teknologi Maklumat menyampaikan replika senarai sumbangan Lotte Chemical Titan kepada Pusat Kurantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Johor yang diwakili oleh Tuan Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar Pasir Gudang.

KERJA SI JAWATANKUASA TAR JOHOR IN COVID-19 IN GUNUNG,

I, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan kerja ke Dewan Serbaguna yang akan digunakan sebagai salah satu



YANG BERHORMAT TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meluangkan masa mengadakan lawatan ringkas ke PKRC Johor. Hadir sama dalam lawatan ini ialah Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Datuk Dr. Aman Rabu, Datuk Bandar Pasir Gudang, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman serta beberapa agensi lain.

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) pertama di negeri Johor terletak di Stadium Bandaraya Pasir Gudang akan mula beroperasi sepenuhnya pada Februari ini. Pusat ini boleh menempatkan sebanyak 1,200 buah katil dengan melibatkan seramai 60 hingga 100 petugas dari pelbagai agensi dan hanya menempatkan pesakit COVID-19 iaitu mereka yang diklasifikasi sebagai tidak bergejala dan tidak berisiko tinggi.



PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) DI PASIR GUDANG



DATUK BANDAR PASIR GUDANG, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman membuat lawatan tapak ke Stadium Bandaraya Pasir Gudang bersama YB. Dato' Dr. Aman bin Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, SAC Datuk Hussien bin Omar Khan Pengarah, Bahagian Perlaksanaan Operasi NADMA, Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru dan beberapa agensi lain yang terlibat pada 3 Februari yang lalu.

Stadium ini akan beroperasi sebagai Pusat Kurantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) pada 10 Februari 2021 dan akan dapat menempatkan lebih 1,200 orang pesakit lelaki dan wanita warganegara Malaysia sahaja. Penempatan ini akan mengambil kira kelengkapan keperluan fasiliti seperti penyediaan asrama pesakit lelaki dan wanita, bilik rawatan lelaki dan wanita, ruang rehat petugas, keperluan tandas/bilik mandi lelaki dan wanita (pesakit dan petugas), surau dan laluan pesakit lelaki dan wanita.

Kapasiti yang boleh dimuatkan adalah mengikut *Standard Of Procedure (SOP)* yang disyaratkan oleh pihak MKN dan KKM. Penyediaan PKRC di Stadium Bandaraya Pasir Gudang ini diharapkan akan dapat menampung dan menangani kekurangan dan kesesakan pusat kurantin sedia ada yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri pada masa ini.

Lawatan diadakan bagi meninjau persiapan stadium sebagai Pusat Kurantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) yang dijangka akan dibuka pada 10 Februari 2021.

YAYASAN PASIR GUDANG

SESI PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/ IPTS FASA 4/2020 (PASIR GUDANG)

TARIKH : 8 JANUARI 2021 (JUMAAT)
MASA : 2.00 - 5.00 PETANG
TEMPAT : 1. BANDAR SERI ALAM
 2. TAMAN SCIENTEX
 3. TAMAN AIR BIRU

Penyampaian sumbangan tersebut pada tahun ini agak berbeza di mana penyerahan dibahagikan dalam tiga kumpulan skala kecil bertempat di Bandar Seri Alam, Taman Scientex dan Taman Air Biru memandangkan masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Pengurus Yayasan Pasir Gudang.



Sumbangan ini berbentuk sumbangan tunai bernilai RM300.00 bagi setiap pelajar dan merupakan tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang.

PROJEK EKONOMI RAKYAT (ERA) SIRI 2: REMPAH ANEKA NASI

TARIKH : 8 JANUARI 2021 (JUMAAT)
MASA : 2.00 - 6.00 PETANG
TEMPAT : BALAI KOMUNITI JALAN KUINI, TAMAN KOTA MASAI

Program ERA memasuki sesi kedua dengan kemahiran membuat rempah aneka nasi. Seramai 25 orang peserta yang menyertai program pada kali ini. Para peserta diajar mengenai bahan yang diperlukan, cara penyediaan, kiraan anggaran kos dan cadangan harga jualan.



Sesi penutupan program telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Herman Irmadi bin Ismail, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Beliau begitu berharap agar para peserta program menggunakan ilmu yang dicurahkan sebagai modal perniagaan secara kecil-kecilan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan keluarga mereka.

SESI PENYERAHAN SUMBANGAN BACK TO SCHOOL (Sumbangan Skala Kecil)

TARIKH : 12 JANUARI 2021 (SELASA)

Sesi penyerahan sumbangan ini juga dilakukan dalam kumpulan skala kecil mengikut zon Ahli Majlis MBPG memandangkan masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Yayasan Pasir Gudang juga mengedarkan sumbangan tersebut dari sekolah ke sekolah. Berikut adalah senarai lokasi dan jumlah penerima sumbangan Back to School 2021 Yayasan Pasir Gudang:

Bil	Tarikh	Lokasi	Jumlah Penerima
1	12 Januari 2021	Taman Cendana	1,000 orang pelajar
2		Taman Mawar	
3		Taman Nusa Damai	
4		Taman Scientex	
5		Taman Air Biru	
6		SJK (T) Masai	
7	13 Februari 2021	27 buah sekolah di Pasir Gudang	
8	17 Februari 2021	SJK (C) Nam Heng dan Masai	



MISI PENYERAHAN BANTUAN BAKUL MAKANAN PASIR GUDANG

TARIKH : 18 JANUARI - 26 JANUARI 2021

Misi penyerahan Bantuan Bakul Makanan dilakukan dengan konsep “door to door” di sekitar Pasir Gudang. Berikut adalah senarai tarikh dan lokasi Bantuan Bakul Makanan Pasir Gudang:

Bil	Tarikh	Lokasi
1	18 Januari 2021	Cahaya Baru dan Tg Langsat
2	19 Januari 2021	Taman Cendana, Taman Kota Masai dan Bandar Bestari Perdana
3	20 Januari 2021	Taman Cahaya Masai, Taman Rinting dan Taman Sierra Perdana
4	21 Januari 2021	Bandar Seri Alam dan Taman Flora Height
5	23 Januari 2021	Taman Scientex
6	24 Januari 2021	Komuniti India Sekitar Pasir Gudang
7		Komuniti Cina Sekitar Pasir Gudang
8	25 Januari 2021	Taman Nusa Damai



SUMBANGAN PERALATAN PERLINDUNGAN PERIBADI (PPE) PELINDUNG MUKA (FACE SHIELD)

TARIKH : 31 JANUARI , 10 & 28 FEBRUARI 2021

Berikut adalah senarai tarikh dan lokasi Sumbangan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) Pelindung Muka (Face Shield):

Bil	Tarikh	Lokasi / Jumlah Sumbangan
1	31 Januari 2021	SMK Kota Masai SMK Dato' Penggawa Timur SMK Pasir Gudang 2 (500 keping sumbangan KPJ)
2	19 Januari 2021	11 buah SMK Sekitar Pasir Gudang (1,100 keping sumbangan YPG)
3	28 Februari 2021	Politeknik Ibrahim Sultan (400 keping sumbangan YPG)



SUMBANGAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2021

**TARIKH : 7 FEBRUARI 2021 (AHAD)
MASA : 10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
TEMPAT : 24 ZON MBPG**

Program tahunan Yayasan Pasir Gudang bagi menyambut hari perayaan Tahun Baru Cina. Sumbangan pada tahun 2021 diagihkan dengan konsep “door to door” berbeza dengan kelazimannya. Seramai 50 orang penerima menerima manfaat daripada bantuan perayaan ini dengan sumbangan tunai dan barang keperluan dapur bernilai RM200.00 bagi setiap penerima.



SESI PENYERAHAN BANTUAN PENDAFTARAN IPTA/IPTS FASA 4/2020 (TEBRAU)

**TARIKH : 9 FEBRUARI 2021 (SELASA)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : DEWAN TERBUKA JALAN TEMBIKAI,
TAMAN KOTA MASAI**

Penyampaian Sumbangan tersebut adalah kesinambungan penyerahan sumbangan bantuan pendaftaran IPTA/IPTS bagi zon Pasir Gudang. Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Maulizan bin Bujang, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Sumbangan ini berbentuk sumbangan tunai bernilai RM300.00 bagi setiap pelajar dan merupakan tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PEMAKAIAN PELITUP MUKA

NASIHAT KEPADA PENGGUNA



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



PELITUP MUKA 3 LAPIS



Hanya boleh pakai sekali sahaja

Dipakai tidak melebihi 8 jam dan jika bergejala tidak melebihi 4 jam

PELITUP MUKA FABRIK



Jangan guna pelitup muka yang menyukarkan pernafasan

Boleh diguna semula selepas dicuci dengan cara yang betul

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbg.gov.my



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



[majlisbandarayapg_official](https://www.instagram.com/majlisbandarayapg_official)

APLIKASI MUDAH ALIH DARIPADA KPKT

